

Kecerdikan emosi adalah kejayaan

UB 21.1.2015 B4



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaitonmohamad@yahoo.com

KEJAYAAN bukan suatu perkara yang mustahil untuk diperolehi dalam hidup seseorang manusia. Kejayaan juga bukan terhad kepada sesuatu perkara sahaja dalam hidup. Ramai yang beranggapan kejayaan yang cemerlang dalam akademik adalah segala-galanya. Anggapan itu adalah kurang tepat kerana ramai yang tidak memiliki kecerdikan intelektual di atas segulung ijazah juga mampu menjadi jutawan. Hal ini disebabkan kejayaan adalah suatu perkara yang subjektif dan berbeza antara seorang individu

dengan individu yang lain.

Di sebalik kejayaan yang menggunakan kecerdikan intelektual masih terdapat kepentingan kecerdikan emosi dalam kehidupan, ia tidak boleh diukur melalui segulung ijazah tetapi boleh diukur melalui kehidupannya sama ada kecerdikan emosi dalam intrapersonal dan interpersonal. Dalam hal ini menurut kajian Salovey dan Mayer (1990), kecerdikan intelektual menyumbang sebanyak 20 peratus sahaja sebaliknya kecerdikan emosi menyumbang sebanyak 80 peratus dalam kejayaan seseorang individu. Oleh sebab itu, kedua-dua elemen ini tidak boleh dipisahkan kerana saling perlu memerlukan dalam mencapai kejayaan

dalam hidup.

Bagaimanapun ramai yang sering tersasar dengan kecerdikan emosi kerana ia sebenarnya sememangnya ada di dalam diri setiap orang. Cuma ia perlu dicungkil dan diasah untuk menampakkan keberkesanan kecerdikan emosi melalui pemahaman elemen yang wujud dalam kecerdikan emosi berkenaan. Oleh sebab itu menurut Nicola Schutte (2002) tentang elemen dalam kecerdikan emosi sama ada ia berbentuk interpersonal seperti memahami emosi orang lain dan mengenali orang lain amat berguna dalam meneruskan kehidupan seharian. Begitu juga elemen intrapersonal yang ada dalam diri iaitu memotivasikan diri dan

mengenali diri juga akan menyebabkan seseorang lebih mengenali diri sendiri sama ada bersedia untuk meneroka kejayaan yang ingin dicapai ataupun kejayaan yang tertangguh.

Mengenali kecerdikan emosi sendiri dan orang lain merupakan kejayaan sebenarnya tanpa meneroka kejayaan yang memerlukan modal yang sebenar. Berapa ramai dalam kalangan anda bermuhasabah diri adakah aku memiliki kecerdikan emosi waima yang mampu mengenali diri dan memotivasikan diri setelah melalui pelbagai cabaran dalam kehidupan seharian. Berapa ramai dalam kalangan anda yang berupaya memahami dan mengenali orang lain sehinggakan anda menghargai perhubungan

berkenaan.

Sebenarnya bukan perkara yang mudah untuk anda kembali ke dalam diri dan meneropong kekurangan yang ada dalam kecerdikan emosi sendiri. Menurut pendapat Bar-On (2006), individu yang memiliki kecerdikan emosi yang tinggi akan bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupannya dan lebih memiliki kejayaan berbanding individu yang hanya memiliki kecerdikan intelektual. Oleh sebab itu, memiliki kecerdikan emosi dan kecerdikan intelektual amat penting dalam mengurus kehidupan anda seharian.

** Penulis adalah Pegawai Psikologi Kanan, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS*